



AmInvest

PROSPEKTUS TAMBAHAN KEEMPAT

Prospektus Tambahan Keempat ini bertarikh 10 September 2015 (“Prospektus Tambahan Keempat”) dan hendaklah dibaca bersama dengan Prospektus bertarikh 7 Jun 2009 (“Prospektus”), Prospektus Tambahan bertarikh 6 Julai 2009 (“Prospektus Tambahan”), Prospektus Tambahan Kedua bertarikh 1 Disember 2014 (“Prospektus Tambahan Kedua”) dan Prospektus Tambahan Ketiga bertarikh 1 April 2015 (“Prospektus Tambahan Ketiga”), bagi:-

Dana	Tarikh Penubuhan
FTSE Bursa Malaysia KLCI etf	18 Januari 2007

Pengurus	:	AmFunds Management Berhad (<i>“dikenali sebagai AmInvestment Services Berhad”</i>) (154432-A)
Pemegang Amanah	:	HSBC (Malaysia) Trustee Berhad (1281-T)

Salinan Prospektus Tambahan Keempat ini, Prospektus Tambahan Ketiga, Prospektus Tambahan Kedua, Prospektus Tambahan dan Prospektus bagi FTSE Bursa Malaysia KLCI etf (“Dana”) telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, yang tidak bertanggungjawab ke atas kandungannya. Pendaftaran tidak menunjukkan bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengesyorkan Unit atau bertanggungjawab ke atas ketepatan mana-mana pernyataan yang dibuat, pendapat yang dinyatakan atau laporan yang terkandung di dalam Prospektus Tambahan Keempat, Prospektus Tambahan Ketiga, Prospektus Tambahan Kedua, Prospektus Tambahan dan Prospektus.

PARA PELABUR DINASIHATKAN MEMBACA DAN MEMAHAMI KANDUNGAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KEEMPAT INI YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS, PROSPEKTUS TAMBAHAN, PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KETIGA. SEKIRANYA TIMBUL KERAGUAN, SILA DAPATKAN PANDANGAN PENASIHAT PROFESIONAL.

INI IALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KEEMPAT BAGI FTSE BURSA MALAYSIA KLCI etf BERTARIKH 10 SEPTEMBER 2015 YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS BAGI FTSE BURSA MALAYSIA KLCI etf BERTARIKH 7 JUN 2009 (“PROSPEKTUS”), PROSPEKTUS TAMBAHAN BAGI FTSE BURSA MALAYSIA KLCI etf BERTARIKH 6 JULAI 2009 (“PROSPEKTUS TAMBAHAN”), PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA BAGI FTSE BURSA MALAYSIA KLCI etf BERTARIKH 1 DISEMBER 2014 (“PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA”) DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KETIGA BAGI FTSE BURSA MALAYSIA KLCI etf BERTARIKH 1 APRIL 2015 (“PROSPEKTUS TAMBAHAN KETIGA”).

PENYATA TANGGUNGJAWAB

Prospektus Tambahan Keempat bertarikh 10 September 2015 ini berhubung dengan Prospektus bagi FTSE Bursa Malaysia KLCI etf bertarikh 7 Jun 2009, Prospektus Tambahan bertarikh 6 Julai 2009, Prospektus Tambahan Kedua bertarikh 1 Disember 2014 dan Prospektus Tambahan Ketiga bertarikh 1 April 2015 (kemudian daripada ini dikenali sebagai “Prospektus Tambahan Keempat”) telah dilihat dan diluluskan oleh pengarah-pengarah AmFunds Management Berhad dan mereka secara bersama dan individu menerima tanggungjawab penuh ke atas ketepatan semua maklumat. Setelah membuat semua pertanyaan yang munasabah, mereka mengesahkan menurut pengetahuan dan kepercayaan terbaik mereka, bahawa tiada pernyataan palsu atau mengelirukan, atau fakta lain yang tertinggal yang akan menjadikan mana-mana pernyataan di dalam Prospektus Tambahan Keempat ini palsu atau mengelirukan.

PENYATA PENAFIAN

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah membenarkan penerbitan, tawaran untuk langganan atau belian, atau penerbitan pelawaan untuk melanggan atau membeli Unit-unit berhubung penawaran awam dan satu salinan Prospektus Tambahan Keempat, Prospektus Tambahan Ketiga, Prospektus Tambahan Kedua, Prospektus Tambahan dan Prospektus ini telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Kebenaran penerbitan awam Unit-unit, dan pendaftaran Prospektus Tambahan Keempat, Prospektus Tambahan Ketiga, Prospektus Tambahan Kedua, Prospektus Tambahan dan Prospektus ini tidak boleh dianggap sebagai menunjukkan bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengesyorkan Dana atau menerima tanggungjawab ke atas ketepatan apa-apa pernyataan yang dibuat, pendapat yang diberikan atau laporan yang terkandung dalam Prospektus Tambahan Keempat, Prospektus Tambahan Ketiga, Prospektus Tambahan Kedua, Prospektus Tambahan dan Prospektus ini.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa ketakdedahan pihak AmFunds Management Berhad, syarikat pengurusan yang bertanggungjawab bagi Dana dan tidak bertanggungjawab ke atas kandungan Prospektus Tambahan Keempat, Prospektus Tambahan Ketiga, Prospektus Tambahan Kedua, Prospektus Tambahan dan Prospektus ini. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, tidak membuat representasi tentang ketepatan atau kesempurnaan Prospektus Tambahan Keempat, Prospektus Tambahan Ketiga, Prospektus Tambahan Kedua, Prospektus Tambahan dan Prospektus ini dan menafikan secara nyata apa-apa liabiliti dalam apa-apa bentuk yang terhasil daripada, atau dalam pergantungan terhadap keseluruhan atau mana-mana bahagian kandungannya.

PARA PELABUR HARUS BERGANTUNG PADA PENILAIAN MEREKA SENDIRI UNTUK MENILAI MERIT DAN RISIKO PELABURAN. JIKA PELABUR TIDAK DAPAT MEMBUAT PENILAIAN MEREKA SENDIRI, MEREKA DINASIHATKAN UNTUK MENDAPATKAN PANDANGAN DARIPADA PENASIHAT PROFESIONAL.

Penerimaan masuk ke Senarai Rasmi Bursa Malaysia Securities Bhd tidak boleh dianggap sebagai petunjuk merit pelawaan, Dana atau Unit-unitnya.

PENYATAAN TAMBAHAN

Para pelabur harus mengambil maklum bahawa mereka boleh mendapatkan hak tuntutan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 bagi pelanggaran undang-undang dan peraturan sekuriti termasuk apa-apa pernyataan dalam Prospektus Tambahan Keempat, Prospektus Tambahan Ketiga, Prospektus Tambahan Kedua, Prospektus Tambahan dan/atau Prospektus ini yang palsu, mengelirukan, atau yang daripadanya terdapat peninggalan yang material; atau bagi apa-apa tindakan mengelirukan atau memperdayakan berhubung Prospektus Tambahan Keempat, Prospektus Tambahan Ketiga, Prospektus Tambahan Kedua, Prospektus Tambahan dan/atau Prospektus ini atau perlakuan mana-mana orang berkaitan dengan Dana.

INI IALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KEEMPAT BAGI FTSE BURSA MALAYSIA KLCI etf BERTARIKH 10 SEPTEMBER 2015 YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS BAGI FTSE BURSA MALAYSIA KLCI etf BERTARIKH 7 JUN 2009 (“PROSPEKTUS”), PROSPEKTUS TAMBAHAN BAGI FTSE BURSA MALAYSIA KLCI etf BERTARIKH 6 JULAI 2009 (“PROSPEKTUS TAMBAHAN”), PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA BAGI FTSE BURSA MALAYSIA KLCI etf BERTARIKH 1 DISEMBER 2014 (“PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA”) DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KETIGA BAGI FTSE BURSA MALAYSIA KLCI etf BERTARIKH 1 APRIL 2015 (“PROSPEKTUS TAMBAHAN KETIGA”).

DATA PERIBADI

Sebagai sebahagian daripada perniagaan hari ke hari, kami mengumpul maklumat peribadi anda semasa anda memohon untuk membuka akaun dengan kami, melanggan mana-mana produk atau perkhidmatan kami atau berkomunikasi dengan kami. Sebagai balasan, kami mungkin menggunakan maklumat ini untuk menyediakan anda dengan produk atau perkhidmatan kami, menyenggarakan rekod kami atau menghantar maklumat yang berkaitan kepada anda. Kami mungkin menggunakan maklumat peribadi anda bagi satu atau lebih daripada tujuan berikut, sama ada di Malaysia atau selainnya;

- a. Mengakses dan menguruskan permohonan anda bagi produk dan perkhidmatan kami supaya kami dapat memberikan maklumat yang lebih banyak dan terkini kepada anda seperti peningkatan dan ciri-ciri baharu kepada produk dan perkhidmatan yang sedia ada, pembangunan produk dan perkhidmatan baharu dan promosi oleh AmInvest dan/atau Kumpulan AmBank, yang mungkin menarik minat anda;
- b. Menguruskan dan menyenggarakan akaun anda melalui pengemaskinian yang tetap, penggabungan dan meningkatkan ketepatan rekod kami. Dengan cara ini, kami dapat membalas pertanyaan, aduan anda dan secara amnya untuk menyelesaikan pertikaian dengan segera supaya kami dapat meningkatkan perniagaan kami dan hubungan anda dengan kami;
- c. Menjalankan penyelidikan bagi tujuan analitis, perlombongan data dan analisis urus niaga atau penggunaan produk dan perkhidmatan oleh anda untuk lebih memahami kedudukan kewangan dan pelaburan terkini anda dan keperluan masa hadapan. Kami juga akan menghasilkan data, laporan dan statistik dari masa ke masa, namun maklumat tersebut akan digabungkan supaya identiti anda akan kekal sulit. Kadang kala ia mungkin perlu, jika dikehendaki, untuk mengesahkan kedudukan kewangan anda melalui rujukan kredit atau pemeriksaan laporan;
- d. Mematuhi keperluan mana-mana undang-undang yang mengikat kami seperti mengadakan pemeriksaan anti-pengubahan wang haram, pengesanan atau pencegahan jenayah, pendakwaan, perlindungan atau penguatkuasaan hak kami untuk mendapatkan kembali apa-apa yang terhutang kepada kami termasuk memindahkan atau menyerah hak, kepentingan dan obligasi kami di bawah mana-mana perjanjian anda dengan kami;
- e. Melaksanakan perkhidmatan perkongsian dalam Kumpulan AmBank seperti audit, pematuhan, perundangan, sumber manusia dan pengurusan risiko termasuk menilai risiko kewangan;
- f. Khidmat luar perniagaan dan operasi bilik belakang dalam Kumpulan AmBank; dan
- g. Apa-apa tujuan lain yang dikehendaki atau dibenarkan oleh mana-mana undang-undang, peraturan, garis panduan dan/atau pihak berkuasa pengawal selia yang berkaitan yang termasuk pemegang amanah Dana.

Para pelabur dinasihatkan untuk membaca Notis Privasi kami yang terkini atau dikemas kini (notis diberikan seperti mana dikehendaki di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010) yang boleh didapati di laman web kami di www.aminvest.com. Notis Privasi kami boleh dipinda dari semasa ke semasa dan jika ada atau terdapat sebarang pindaan, ia akan dipaparkan di laman web kami dan/atau apa-apa cara komunikasi lain yang kami fikirkan sesuai. Walau bagaimanapun, apa-apa pindaan akan mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

BAKI HALAMAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

INI IALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KEEMPAT BAGI FTSE BURSA MALAYSIA KLCI etf BERTARIKH 10 SEPTEMBER 2015 YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS BAGI FTSE BURSA MALAYSIA KLCI etf BERTARIKH 7 JUN 2009 (“PROSPEKTUS”), PROSPEKTUS TAMBAHAN BAGI FTSE BURSA MALAYSIA KLCI etf BERTARIKH 6 JULAI 2009 (“PROSPEKTUS TAMBAHAN”), PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA BAGI FTSE BURSA MALAYSIA KLCI etf BERTARIKH 1 DISEMBER 2014 (“PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA”) DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KETIGA BAGI FTSE BURSA MALAYSIA KLCI etf BERTARIKH 1 APRIL 2015 (“PROSPEKTUS TAMBAHAN KETIGA”).

Melainkan diberikan sebaliknya dalam Prospektus Tambahan Keempat ini, semua istilah dalam huruf besar yang digunakan di sini akan mempunyai maksud yang sama dengan yang ditetapkan kepadanya dalam Prospektus, Prospektus Tambahan, Prospektus Tambahan Kedua dan Prospektus Tambahan Ketiga.

NOTA PENERANGAN

Prospektus Tambahan Keempat ini telah diterbitkan untuk memaklumkan para Pelabur tentang yang berikut:

- Kemasukan “Datin Maznah Mahbob” dalam senarai Jawatankuasa Pelaburan.
- Perubahan nama Pengurus daripada “AmInvestment Services Berhad” kepada “AmFunds Management Berhad”.

A. DIREKTORI KORPORAT

Muka surat xv Prospektus – DIREKTORI KORPORAT

Maklumat berkaitan Jawatankuasa Pelaburan dengan ini dihapuskan dan digantikan dengan yang berikut:-

Jawatankuasa Pelaburan	Mustafa Bin Mohd Nor (<i>Bebas</i>)
	Tai Terk Lin (<i>Bebas</i>)
	Dr. Frank Richard Ashe (<i>Bebas</i>)
	Dato’ Mohd Effendi bin Abdullah (<i>Bukan Bebas</i>)
	Datin Maznah Mahbob (<i>Bukan Bebas</i>)
	Harinder Pal Singh (<i>Bukan Bebas</i>)

B. DEFINISI

Muka surat iii Prospektus - DEFINISI

Perubahan “AmInvestment Services Berhad” kepada “AmFunds Management Berhad” di bawah seksyen ini dengan ini disemak semula seperti berikut:

<i>Sedia ada</i>		<i>Semakan semula</i>	
AIS atau Pengurus	AmInvestment Services Berhad (154432-A) (ahli Kumpulan AmInvestment Banking)	AFM, AmFunds Management Berhad atau Pengurus	AmFunds Management Berhad (“dahulu dikenali sebagai AmInvestment Services Berhad”)

Perubahan yang disebut di atas akan terpakai di seluruh Prospektus, Prospektus Tambahan, Prospektus Tambahan Kedua dan Prospektus Tambahan Ketiga.

BAKI HALAMAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

INI IALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KEEMPAT BAGI FTSE BURSA MALAYSIA KLCI etf BERTARIKH 10 SEPTEMBER 2015 YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS BAGI FTSE BURSA MALAYSIA KLCI etf BERTARIKH 7 JUN 2009 (“PROSPEKTUS”), PROSPEKTUS TAMBAHAN BAGI FTSE BURSA MALAYSIA KLCI etf BERTARIKH 6 JULAI 2009 (“PROSPEKTUS TAMBAHAN”), PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA BAGI FTSE BURSA MALAYSIA KLCI etf BERTARIKH 1 DISEMBER 2014 (“PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA”) DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KETIGA BAGI FTSE BURSA MALAYSIA KLCI etf BERTARIKH 1 APRIL 2015 (“PROSPEKTUS TAMBAHAN KETIGA”).

C. PENGURUS

Muka surat 55 Prospektus - JAWATANKUASA PELABURAN

Jadual berkaitan dengan maklumat Jawatankuasa Pelaburan dengan ini dihapuskan keseluruhannya dan digantikan dengan yang berikut:

Nama	Status
Mustafa Bin Mohd Nor	Bebas
Tai Terk Lin	Bebas
Dr. Frank Richard Ashe	Bebas
Dato’ Mohd Effendi bin Abdullah	Bukan Bebas
Datin Maznah Mahbob	Bukan Bebas
Harinder Pal Singh	Bukan Bebas

Profil Datin Maznah Mahbob dengan ini ditambah seperti berikut:

Datin Maznah Mahbob (Bukan Bebas) (profil seperti disebut di atas)

BAKI HALAMAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

BAKI HALAMAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

BAKI HALAMAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG